



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF INSKEN TERIMA PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA SCHWAB FOUNDATION

PUTRAJAYA, 22 Januari – Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Puan Viviantie Sarjuni, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) atas penganugerahan *Anugerah Public Social Innovator* Tahun 2026 bagi Keusahawanan Sosial oleh Schwab Foundation dengan kerjasama *World Economic Forum* (WEF).

Puan Viviantie telah menerima anugerah di Switzerland pada 21 Januari 2026 bersempena dengan Mesyuarat Tahunan *World Economic Forum* di Davos. Penganugerahan ini menjadikan beliau rakyat Malaysia pertama menerima pengiktirafan berkenaan sekali gus mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Sepanjang berada di Davos, Puan Viviantie turut menyertai beberapa bengkel dan sesi libat urus antarabangsa yang menghimpunkan pemimpin serta inovator sosial dari seluruh dunia. Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik global yang diperoleh akan dibawa pulang untuk dimanfaatkan di Malaysia, khususnya dalam memperkukuh agenda pembangunan keusahawanan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta pelaksanaan program-program strategik INSKEN.

Pencapaian ini mencerminkan kepimpinan, dedikasi dan komitmen tinggi Puan Viviantie dalam memperkasa keusahawanan, perusahaan sosial serta pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan. Saya yakin penganugerahan ini akan terus memberi nilai tambah kepada ekosistem keusahawanan negara, khususnya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan yang amat membanggakan ini.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
22 JANUARI 2026